



UNIT **14**

TEMA 5: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

KENALI KESENIAN KITA

A Lengkapkan dialog. Kemudian, lakonkan. S.P.1.3(1)

Konda Konda

- Dimainkan di kawasan lapang.
- Peralatan yang diperlukan ialah dua batang kayu, iaitu satu panjang dan satu pendek.
- Kayu pendek dipanggil anak dan kayu panjang dipanggil ibu.
- Satu lubang akan digali untuk meletakkan kayu panjang. Kemudian, kayu itu akan dikuis. Pihak lawan akan cuba menangkap kayu pendek tersebut.

Saya baru habis membaca rencana tentang permainan tradisional masyarakat Malaysia.

Permainan tradisional itu ialah

(1) _____

Peralatan yang diperlukan

(2) _____

Saya pun tahu melalui pembacaan sebentar tadi. Permainan tradisional kian dipinggirkan.

Saya bersetuju dengan pendapat kamu. Oleh itu pelbagai langkah perlu diambil seperti (3) _____

Benarkah?
Apakah permainan tradisional itu?

Bagaimanakah cara-cara permainan itu? Saya tidak tahu tentang permainan tradisional ini.

Ya, Alisa. Pada pendapat saya, permainan tradisional kian dilupakan kerana perkembangan teknologi maklumat. Banyak permainan dalam talian dicipta.

